



Jumaat – 5 Februari 2021

Halaman : 25

Guru redah 80km serah modul PdPR

Jelebu: Sekumpulan guru dari Sekolah Kebangsaan (SK) Putra, Simpang Durian, di sini, sanggup meredah perjalanan sejauh 80 kilometer (km) bagi menyerahkan modul Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) kepada murid Orang Asli bagi memastikan mereka dapat mengikuti pembelajaran dengan baik.

Langkah itu berikutan murid Orang Asli terbabit tidak dapat mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian seperti rakan lain kerana kekangan kemudahan telekomunikasi.

Guru Besar SK Putra, Syed Zulkafli Syed Abdul Karim, berkata pihaknya mengambil masa dua hari bagi menyerahkan semua modul berkenaan kepada 152 murid.

Katanya, ini berikutnya 95 peratus murid sekolah itu adalah anak Orang Asli yang datang dari pelbagai kampung di Negeri Sembilan dan Pahang.

“Apa yang kita lakukan ini sebagai tanggungjawab sosial guru kerana menyedari kesukaran mereka terbabit belajar secara dalam talian.

“Kita bukan saja menyerahkan

modul, tetapi turut mengambil kesempatan mengajar mereka dalam lawatan yang disertai 10 guru itu,” katanya.

SK Putra antara empat sekolah Orang Asli yang ada di Negeri Sembilan, selain SK Sungai Sampo, Jempol; SK Senibai, Johol, Kuala Pilah dan SK Tekir, Labu, Seremban.

Sementara itu, murid Tahun Lima sekolah berkenaan, Azuannizan Along, 11, berkata dia terharu dengan pengorbanan guru yang sanggup datang ke rumahnya menghantar modul PdPR bagi memastikan mereka dapat menguangi pelajaran.

“Kampung kami tiada liputan internet, sekali gus menyukarkan saya belajar secara dalam talian seperti murid yang ada kemudahan itu.

“Saya pernah meminta bapa pergi ke sekolah mengambil modul PdPR, namun dilarang pengrusan sekolah yang memaklumkan modul itu akan dihantar sendiri oleh guru,” katanya yang tinggal di Kampung Orang Asli Hulu Semei, dekat Manchis, Bentong, Pahang.



Guru SK Putra di Jelebu menghantar modul PdPR kepada murid Orang Asli yang tidak dapat belajar secara dalam talian. (Foto Abnor Hamizam/bh)